

# Kemukakan dalam mesyuarat, bukan memorandum – PM

UM-21/1/2006

Oleh MUSTAFA KAMAL BASRI

**KUALA LUMPUR** 20 Jan. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, menteri Kabinet yang ingin memberi pandangan berhubung sesuatu isu seharusnya mengemukakannya dalam mesyuarat jemaah menteri dan bukannya melalui memorandum.

Sehubungan itu Perdana Menteri menegaskan, beliau tidak faham kenapa sembilan menteri bukan Islam mengemukakan memorandum bersama kepadanya dan menganggap ia berkemungkinan untuk 'memberi pandangan bersama'.

"Saya lebih suka begitu (berbincang dalam mesyuarat) dan sebab mereka telah hantar kepada saya dan bukan dibentangkan kepada jemaah menteri, biarlah saya baca.

"Kalau ada apa-apa pandangan saya akan bawa kepada perbincangan dalam jemaah menteri nanti dan mereka akan dibenarkan bercakap begitu juga ahli jemaah menteri yang lain," katanya.

Abdullah berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan koleksi puisi karya Sasterawan Negara A. Samad Said bertajuk *A. Samad Said: Sebuah Antologi Puisi* yang menghimpunkan karya selama lebih setengah abad, di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan sembilan menteri Kabinet bukan Islam yang mengemukakan

memorandum bersama kepadanya yang meminta beliau menyemak semula undang-undang berkaitan pertukaran agama.

Mengenai isu kandungan memorandum itu, Abdullah berkata, "Saya tidak baca lagi, tebal sangat baru hari Rabu dapat".

Jelas Perdana Menteri, beliau tidak mempunyai peluang untuk membaca kandungan memorandum tersebut kerana sibuk dengan persediaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Ditanya mengenai reaksi pelbagai pihak yang tidak puas hati dengan tindakan sembilan menteri itu sehingga berlaku demonstrasi di Masjid Negara, Perdana Menteri menegaskan: "Nyata sekali kerana perkara ini adalah luar biasa tak pernah jadi begini sebelum itu."

Abdullah seterusnya menasihatkan semua pihak menghadkan perbincangan berhubung isu itu secara objektif, tidak emosional dan tidak mengungkit-ungkit sehingga menimbulkan kontroversi.

"Dalam situasi kita ini, rakyat Malaysia berbilang kaum, mengani agama yang berlainan (kontroversi) itu boleh berlaku.

"Soalnya cara kita bertindak, cara bercakap itu yang penting kalau salah tindak, salah cakap terlalu emosi, mengungkit-ungkit tidak pasal-pasal maka akan timbul perkara yang tidak baik yang kita tidak mahu lihat," katanya.



**ABDULLAH** Ahmad Badawi melawat pameran sempena majlis pelancaran antologi puisi **A. Samad Said: Sebuah Antologi Puisi** yang menghimpunkan karya-karya selama lebih setengah abad di Arkib Negara, Kuala Lumpur semalam.

Mengenai perbincangan yang akan dijalankan antara Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad dengan Peguam Negara, Tan Sri Gani Patail berhubung

perkara itu, Abdullah berkata pada masa ini Peguam Negara sememangnya memberi perhatian kepada perkara tersebut (isu undang-undang pertukaran agama).

'Peguam Negara pun sekarang ini berjumpa dengan pelbagai pihak untuk berbincang dan hasil perbincangan akan dikemukakan kepada jemaah menteri melalui saya,' katanya.